



Menteri Kewangan Malaysia

15 APRIL : KUALA LUMPUR - Langkah pembaharuan institusi yang menguntungkan rakyat adalah penting dalam usaha mewujudkan asas-asas tepat bagi membolehkan Malaysia tersenarai semula sebagai antara peneraju ekonomi di Asia.

Menteri Kewangan Lim Guan Eng berkata ini penting kerana Malaysia tidak boleh berkembang dengan hanya bersandarkan kepada pembangunan lebih banyak projek-projek mega dan kualiti pertumbuhan juga tidak kurang pentingnya berbanding aspek kadar pertumbuhannya.

"Kita sedia maklum mengenai keperluan untuk menjana pertumbuhan yang berkualiti serta mewujudkan pekerjaan yang boleh dibanggakan rakyat.

"Oleh itu, pembaharuan institusi ini akan membantu pertumbuhan yang berkualiti dan menjadikannya inklusif agar semua orang mempunyai tempat sewajarnya di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam program pertemuan dengan rakyat Malaysia di Washington DC, Amerika Syarikat pada Sabtu lepas.

Menurut Lim, beberapa bulan selepas kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan, ia berjaya melakukan pembaharuan termasuk 'membersihkan' syarikat berkaitan kerajaan (GLC) daripada campur tangan politik, mereformasi industri jalur lebar dengan menurunkan separuh harga dan pada masa sama meningkatkan kelajuannya selain menggalakkan kebebasan media.

Dari segi pembaharuan fiskal pula, beliau berkata antara pencapaian itu termasuk tindakan kerajaan yang berupaya melaksanakan sistem tender terbuka di seluruh sektor awam bagi mengekang penyalahgunaan kuasa dan rasuah selain dari segi belanjawan.

"Kita akan mengurangkan paras defisit daripada 3.7 peratus (daripada Keluaran Dalam Negara Kasar) pada 2018 kepada 3.4 peratus tahun ini dan seterusnya 3.0 peratus pada 2020 serta 2.8 peratus atau kurang, pada 2021," katanya.

Lim berkata kerajaan juga sudah memulakan usaha 'membersihkan' organisasi yang disalah urus di bawah kerajaan sebelum ini seperti 1Malaysia Development Bhd, Lembaga Tabung Haji dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA.

Jelas beliau, pelarasan besar-besaran turut dibuat terhadap projek-projek awam yang membawa kepada penjimatan kos termasuk Projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT 3) dengan penjimatan sebanyak 47 peratus atau RM16.6 bilion daripada kos asal.

Bagi Projek Transit Aliran Massa 2 (MRT 2) pula, kerajaan dapat melakukan penjimatan sebanyak 22 peratus atau RM8.8 bilion daripada kos pembinaannya, tidak termasuk faedah, pengambilalihan tanah dan kos lain, katanya.

"Semua penjimatan ini dapat dilakukan kerana model (pembinaan) sebelum ini membabitkan reka bentuk yang berlebihan serta harga yang tinggi sehingga mencecah tahap yang menyukarkan dari segi menyediakan pengangkutan awam yang berpatutan.

"Oleh kerana kerajaan amat maklum mengenai kos sara hidup rakyat, ia merupakan tanggung jawab kita untuk memastikan kesemua projek itu ditetapkan pada harga yang munasabah," katanya.

-- BERNAMA
